

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN R. SIVARASA [SUBANG]

TARIKH : 31 OKTOBER 2016

SOALAN :

YB Tuan R. Sivarasa [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan membatalkan pengklasifikasian Laporan Ketua Audit Negara berkaitan 1Malaysia Development Berhad sebagai satu rahsia rasmi.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan Ketua Audit Negara mengenai 1MDB adalah khusus untuk Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC). Laporan tersebut telah dibincangkan oleh PAC sebelum memuktamadkan Laporan PAC berkenaan Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1MDB yang telah dibentangkan di Parlimen pada 7 April 2016.

Sekian, terima kasih.